

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE TIGA, PENGGAL KE DUA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN KARUPAIYA A/LMUTUSAMI (PADANG SERAI)

TARIKH : 12 NOVEMBER 2019

SOALAN

TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI [PADANG SERAI] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan semasa perayaan keagamaan dan sambutan upacara tahunan kuil, kerap berlakunya pergaduhan dan pertelingkahan di sekitar kawasan Tannir Panthal. Saya mencadangkan kepada pihak polis untuk menaikkan pembayaran deposit sebanyak RM5000 untuk setiap penganjur dan mereka juga perlu mematuhi beberapa syarat yang telah ditetapkan oleh pihak polis. Contohnya, tidak membuka speaker terlalu kuat, tidak boleh minum arak, tidak boleh berjoget, tidak boleh membakar mercun, tidak memasang lagu yang bertentangan dengan agama, tidak boleh meletak sebarang peralatan berbahaya untuk pemujaan (parang, lembing) dan menjaga kebersihan kawasan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perhimpunan bagi tujuan keagamaan merupakan satu perhimpunan yang pemberitahuan tidak dikehendaki di bawah Jadual Ketiga, Akta Perhimpunan Aman (Pindaan) 2019. Oleh itu, penganjuran sebarang perayaan keagamaan tidak memerlukan pemberitahuan notis kepada pihak Polis.

Pihak polis tidak mengenakan sebarang deposit, cagaran ataupun sewaan kepada penganjur perhimpunan keagamaan. Sebarang bayaran deposit, cagaran dan sewaan adalah dikenakan oleh pemilik premis di tempat perhimpunan keagamaan tersebut diadakan. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab penganjur untuk memastikan peserta perhimpunan tidak melakukan sebarang perbuatan yang melanggar undang-undang yang berkuatkuasa termasuk mengganggu ketenteraman awam dan menyebabkan kerosakan kepada harta atau alam sekitar.

Sekiranya berlaku kekacauan atau kekecohan semasa perhimpunan, pihak polis boleh mengambil apa-apa langkah yang perlu dalam memastikan perhimpunan dikendalikan dengan teratur termasuk mengeluarkan arahan untuk bersurai.